

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



BANK ISLAM MENASIHATI PELANGGAN SUPAYA BERWASPADA TERHADAP PENIPUAN PANCINGAN DATA DAN PERISIAN HASAD

KUALA LUMPUR, Sabtu [10 Februari 2024]: Peneraju perbankan Islam di Malaysia, Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank), ingin mengingatkan orang ramai untuk sentiasa melindungi butiran peribadi dan akaun mereka daripada kaedah penipuan (scam) yang melibatkan pancingan data (*phishing*) dan perisian hasad (*malware*).

Pancingan data adalah amalan menghantar e-mel atau mesej secara dalam talian daripada pihak yang menyamar sebagai syarikat yang sah agar pengguna mendedahkan maklumat peribadi seperti kata laluan, nombor akaun, kad kredit dan debit serta pelbagai butiran penting lain.

Sementara perisian hasad direka khas untuk mendapatkan maklumat, merisik, mengawal dan menyerang peranti peribadi pengguna seperti telefon dan jam pintar, tablet serta komputer. Penjenayah akan memasukkan perisian hasad ke dalam peranti menggunakan aplikasi yang mereka bangunkan. Kebiasaannya ia kelihatan seumpama aplikasi yang sebenar bagi mengaburi pertimbangan pelanggan.

Pihak tidak bertanggungjawab akan menggunakan maklumat sulit yang telah dicuri untuk mengubah tetapan peranti serta mendapat akses aplikasi pengguna termasuk terhadap platform penting pengguna termasuk perbankan dan e-mel mereka.

Bank Islam menegaskan bahawa **tiada pihak ketiga dilantik untuk mendapatkan maklumat dan butiran akaun pelanggan**. Sebarang perubahan pada butiran dan akaun perbankan pelanggan hanya boleh dilakukan menerusi platform rasmi Bank Islam termasuk Perbankan Internet Bank Islam (www.bankislam.biz), aplikasi mudah alih GO by Bank Islam atau GO Biz by Bank Islam serta Be U by Bank Islam.

Sebarang muat turun perlu dilakukan daripada gedung aplikasi rasmi seperti Google Play Store dan Apple App Store. Pelanggan diseru agar tidak menyimpan maklumat nama pengguna dan kata laluan perbankan dalam pelayar (*browser*) laman sesawang mereka.

Pengguna boleh mengamalkan kawalan sendiri untuk melindungi diri daripada pancingan data dan perisian hasad dengan mengambil langkah-langkah berikut:

- Tidak mendedahkan butiran peribadi dan akaun serta kata laluan mereka dengan pihak ketiga
- Sentiasa berwaspada apabila terdapat aplikasi yang meminta kebenaran akses
- Jangan klik atau memuat turun teks atau e-mel yang mengandungi pautan yang tidak dikenali atau sah
- Gunakan fungsi pengesahan dua faktor (*two factor authentication*) bagi memastikan keselamatan aplikasi

- Memuat turun dan mengemaskini aplikasi antivirus bagi memastikan peranti dilindungi dari virus yang boleh mengakses aplikasi dan perisian
- Menukar kata laluan secara berkala bagi meningkatkan perlindungan terhadap akses aplikasi dan perisian
- Memantau akaun dan penyata bagi mengesan sebarang aktiviti perbankan yang mencurigakan atau tidak disahkan

Bank Islam mengambil langkah proaktif dalam memastikan keselamatan akaun deposit dan transaksi pelanggan yang selamat, di samping melaksanakan pengawasan keselamatan dan pengawalseliaan yang mematuhi standard industri.

Bank Islam memahami akan kepentingan kepercayaan dan amanah dalam aspek hubungan perbankan dan sentiasa bersedia untuk memberi khidmat yang profesional dan prihatin.

Hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di 03-2690 0900 atau e-mel ke contactcenter@bankislam.com.my. Sebagai alternatif, pelanggan boleh menghubungi Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) di 997 sekiranya akaun mereka disyaki telah dicerobohi.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sdn Bhd. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Untuk maklumat lanjut, sila emel ke: media@bankislam.com.my